

# AIR LIUR BERBISA JADI SENJATA



**U**lar senduk ialah sejenis ular berbisa yang dapat ditemukan di Malaysia. Sebenarnya ular senduk bukanlah berasal dari Malaysia. Pada hakikatnya, ular senduk dibawa oleh penjajah Inggeris dari India ke Tanah Melayu pada awal kurun ke-20 untuk menjaga ladang kelapa sawit daripada tikus yang memusnahkan dan memakan buah kelapa sawit.

Ular senduk mempunyai sisik yang berwarna hitam berkilat di bahagian atas badannya, manakala sisik di bawah perutnya pula berwarna hitam kebiruan dan terdapat sisik berwarna putih di bawah lehernya. Ular ini dinamakan sebagai "ular senduk" kerana apabila diganggu atau terperanjat, ular ini akan mengembungkan kepalanya seperti bentuk senduk. Ular senduk boleh mengeluarkan dan menyemburkan air

**Nama Melayu:** Ular senduk dan ular mura  
**Nama Inggeris:** Black cobra, Indian cobra dan spitting cobra  
**Nama saintifik:** *Naja naja*  
**Perlindungan:** Diperindungi

liurnya yang mengandungi racun ke arah mangsa sebelum mematuk mangsanya. Bunyi semburannya agak kuat, iaitu "puh, puh, puh", dan boleh didengari oleh mangsanya.

Apabila terkena air liur ular senduk pada kulit mangsa, keadaan ini boleh menyebabkan kulit mangsanya itu menjadi sopak atau kudis. Racun ular senduk seperti racun pada ular tedung selar, iaitu racun daripada jenis

neurotoksin. Racun ini boleh menyerang urat saraf mangsanya sehingga menyebabkan kematian berlaku jika mangsa tidak dirawat dengan segera.

Ular senduk merupakan reptilia yang aktif pada waktu siang hari dan berehat pada waktu malam. Pada kebiasaannya, tempat berehat ular senduk adalah di dalam lubang tanah, lubang batu atau di dalam rimbunan pokok seperti pokok pandan atau serai. Ular senduk juga

seperti haiwan reptilia yang lain yang melalui proses bersalin kulit bagi tujuan pembesaran. Tempoh pembesaran kulit ini dapat dilihat pada awal musim panas, iaitu antara Januari hingga Mac pada setiap tahun.

Dari segi habitat, terdapat pelbagai kawasan habitat ular senduk yang dapat ditemukan, antaranya termasuklah di kawasan ladang kelapa sawit, ladang getah, dusun buah, semak dan belukar, taman bunga, sawah padi, serta kawasan kampung. Pada dasarnya, ular senduk akan menjauhi diri daripada manusia kecuali jika diganggu seperti ada yang terpijak tubuhnya.

Kawasan sekitar rumah yang semak dan tidak terjaga juga menjadi habitat ular senduk. Ular senduk sering menyorok di bawah pasu bunga yang besar atau tangki air yang terbiar berhampiran dengan rumah. Kawasan yang gelap dan sejuk amat digemari untuk didiami oleh ular senduk. Ular senduk tidak terdapat di kawasan hutan dara, seperti Taman Negara atau di kawasan hutan bakau kecuali jika hutan tersebut bersempadan dengan kawasan ladang kelapa sawit atau getah. Kawasan perumahan yang dahulunya ialah kawasan ladang kelapa sawit juga menjadi habitat ular senduk, terutamanya kawasan tersebut mempunyai semak-samun yang terbiar dan tidak dibersihkan.

Makanan utama ular senduk ialah tikus, selain gemar memakan katak puru, katak sawah, ikan, anak burung, telur burung dan haiwan reptilia yang kecil, seperti mengkarung, sesumpah dan cicak. Pada kebiasaannya, ular senduk akan mematak mangsanya dan racun yang dimasukkan ke dalam tubuh mangsanya boleh menyebabkan mangsanya itu mati serta-merta. Kemudian keadaan ini memudahkan ular senduk untuk menelan mangsa tersebut bermula daripada kepala secara perlahan-lahan hinggalah keseluruhan tubuh mangsanya itu berada di dalam perutnya.


Ular senduk akan keluar dari lubang atau tempat berlindung atau menyorok pada waktu cuaca yang agak panas untuk mencari makan, iaitu pada waktu

tengah hari atau petang. Ular senduk juga dikatakan gemar mencuri telur ayam di dalam reban yang tidak dijaga atau mencuri telur ayam di atas tanah.


Berkaitan dengan proses pembiakan pula, ular senduk betina akan mencari lubang tanah, lubang batu atau rimbunan pokok untuk bertelur. Telurnya berwarna putih dan berbentuk lonjong. Sebanyak lima biji hingga 10 biji telur boleh dihasilkan dalam satu-satu tempoh penghasilan telurnya. Semasa bertelur, ular senduk akan menjaganya daripada haiwan pemangsa, seperti biawak tikus atau biawak air. Telur ular senduk akan menetas dalam tempoh 50–60 hari. Anak ular senduk yang masih kecil hanya memakan serangga, seperti anai-anai,

manusia akan segera membunuhnya jika dijumpai. Di samping itu, ular senduk juga mempunyai nilai komersial untuk dijual di restoran makanan sebagai hidangan eksotik dengan harganya yang tinggi, terutamanya di China. Ada yang mempercayai bahawa dengan memakan daging ular berbisa ini, dapat melancarkan perjalanan darah dan meningkatkan kekuatan seksual seseorang itu.

Ular senduk merupakan reptilia yang dilindungi. Oleh sebab ular senduk dikatakan sebagai haiwan yang digemari dan dicari oleh penggemar makanan eksotik, ada pihak yang tidak bertanggungjawab menyeludup haiwan reptilia berbisa ini kerana nilainya yang



Sisik ular senduk berwarna hitam berkilat.



Sisik di bawah dagu ular senduk berwarna putih.

cengkerik, belalang atau cicak. Apabila sudah dewasa, makannya ialah katak sawah, mengkarung dan sesumpah.

Dari segi musuh, manusia merupakan musuh utama ular senduk. Selain itu, helang berjambul atau *Serpent Eagle* juga akan memakan ular senduk yang dapat ditangkapnya. Oleh sebab ular senduk tergolong dalam kumpulan ular yang berbisa,

tinggi. Walau bagaimanapun, pihak berkuasa seperti Jabatan Perhilitan kerap menangkap penyeludup ular senduk dan ular tedung selar di sempadan negara di sebelah utara Semenanjung Malaysia, yang dikatakan ular ini mendapat pasaran yang tinggi di negara jiran.

Ular senduk atau ular mura ialah haiwan reptilia yang dilindungi di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar Bilangan 716 tahun 2010. Sesiapa yang didapati membunuh atau menangkap ular ini boleh didenda sehingga RM 30 ribu atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali di bawah Seksyen 61 (a) di dalam Akta yang sama. Namun begitu, lesen atau permit boleh diperoleh daripada Jabatan Perhilitan untuk menangkap ular ini bagi tujuan komersial atau dieksport ke luar negara.